

NO. SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 14.03.2016

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyusun semula SPRM memandangkan masalah rasuah semakin meningkat dan kedudukan pada indeks persepsi rasuah semakin buruk.

**JAWAPAN: YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Transformasi penstrukturan dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada tahun 2009 mencerminkan akan hasrat kerajaan bagi memastikan SPRM bertindak secara telus, bebas dan profesional dalam melaksanakan tugas dan

peranannya. Penubuhan SPRM ini juga berlandaskan kepada modul penubuhan ICAC Hong Kong yang diiktiraf sebagai antara negara yang paling berjaya di peringkat antarabangsa dalam usaha pencegahan rasuah. SPRM bebas melaksanakan tugas siasatan tanpa perlu melaporkan atau mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada mana-mana pihak dalam menjalankan sesuatu siasatan sebagaimana termaktub di bawah Akta SPRM 2009. Oleh itu tidak timbul sebarang isu yang mengatakan bahawa SPRM tidak bebas dalam melaksanakan sebarang siasatan mereka. Pada masa yang sama bagi mewujudkan elemen ketelusan SPRM sendiri dengan dipantau oleh lima entiti luar yang terdiri daripada individu-individu yang berintegriti tinggi serta mempunyai kepakaran-kepakaran profesional masing-masing yang terdiri daripada mantan hakim, peguam, akauntan, pensyarah, mantan pegawai tinggi kerajaan, Ahli-ahli Parlimen sama ada dari kerajaan mahupun pembangkang serta pimpinan NGO. Malahan pihak kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan telah meletakkan pembanterasannya rasuah sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara sebagai bukti keseriusan kita untuk memerangi persoalan berkaitan rasuah ini seterusnya memperbaiki kedudukan indeks persepsi rasuah.

Sekian, terima kasih.